



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(35) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 30

26 Julai 2010

SIARAN MEDIA

PROGRAM BANDAR SELAMAT KPKT MAMPU KURANGKAN INDEKS JENAYAH JALANAN NEGARA

KUALA LUMPUR 26 JULAI 2010 – Sumbangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam mencapai salah satu daripada 6 bidang Keberhasilan Negara (NKRA) melalui Program Bandar Selamat mampu mengurangkan indeks jenayah khususnya di kawasan PBT seluruh negara, kata Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, program ini diwujudkan pada tahun 2004 atas arahan kabinet untuk mewujudkan bandar dan pekan yang selamat melibatkan kerjasama PDRM, NGO's dan lain-lain. Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang dilantik sebagai agensi pelaksana bagi program ini dipertanggungjawabkan untuk mengaktifkan semula dan memperluaskan Program Bandar Selamat sedia ada kepada 149 PBT termasuk di negeri Sabah dan Sarawak pada akhir 2010 dan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan rumah (House Security Features (CPTED)).

Chor berkata, Program Bandar Selamat ini diwujudkan kerana tahap kebimbangan terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di bandar-bandar di negara ini. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri mencadangkan

agar diwujudkan bandar dan pekan yang selamat dengan mewujudkan Program Bandar Selamat sebagai langkah mencegah jenayah, contohnya mengelakkan lorong-lorong sunyi dan gelap.

Peruntukan sebanyak RM36juta bagi melaksanakan 6 langkah segera di lokasi **hotspot** oleh Kerajaan Pusat telah diagihkan kepada 12 PBT yang mencatat kadar jenayah jalanan tertinggi. 6 langkah segera berikut adalah pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penggera keselamatan/pembersihan kawasan semak samun, cermin keselamatan, pemetaan GIS jenayah dan pemasangan CCTV. Ini dapat membantu mengurangkan indeks kadar jenayah jalanan.

Jelasnya lagi, secara puratanya bagi kes jenayah jalanan-ragut, sebanyak 9 kes yang dilaporkan setiap hari, dan peragut dapat sebanyak RM2,051 setiap kali meragut. "*Satu profesion yang sangat mudah dan lumayan di mata penjenayah*".

Beliau menambah, sehingga tahun 2009, **sebanyak 39 PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran menyertai dan melaksanakan beberapa langkah Program Bandar Selamat** berdasarkan kepada tahap jenayah dan kemampuan kewangan PBT berkenaan.

Katanya, konsep Bandar Selamat di negara ini merangkumi empat (4) komponen utama iaitu i) bandar yang bebas dari keganasan (*violence*) seperti curi ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya yang menyebabkan kehilangan nyawa dan trauma, kerosakan harta benda dan sosial; ii) Bandar yang bebas dari bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh; iii) Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, integriti dan kerosakan moral; dan iv) Bandar yang bebas dari segala jenis kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kebakaran dan kemalangan jalan raya.

Beliau menjelaskan, sebanyak **15 langkah Program Bandar Selamat** yang digariskan oleh KPKT akan menjadi panduan kepada PBT dalam melaksanakan program ini. 15 langkah Bandar Selamat boleh didapati di dalam buku panduan yang diedarkan.

Katanya, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan keseluruhan indeks jenayah **sebanyak 5% dan Jenayah Jalanan Negara sebanyak 20% sebelum Disember 2010.**

Katanya lagi, melalui NKRA Jenayah Jalanan sasaran pengurangan bagi tahun 2010, ialah 20% tetapi pada suku tahun pertama sahaja telah melangkaui sasaran dengan **pengurangan sebanyak 39%**. Walau Bagaimanapun usaha kerajaan dalam memastikan kadar jenayah terus menurun semakin giat dijalankan. Ini sebagai usaha meningkatkan keselamatan awam dan kualiti hidup di negara ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Saleki Amat Januri, Pegawai Perhubungan Awam di talian mudah alih 016-6297481 atau emelkan ke saleki62@kpkt.gov.my atau Wan Zainal Shahrman bin Wan Hussain, Penolong Pegawai Perhubungan Awam di talian 0196902862 atau emelkan ke zainal_shahrman@kpkt.gov.my